

Ucapan Aluan

YBhg Dato' Hj Zein Isma Bin Hj Ismail

Ketua UMNO Bahagian Subang



Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Subang 2017

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera, salam perjuangan, salam ukhuwah,
salam perpaduan, salam kasih sayang, salam
kemenangan... Negaraku... Malaysia

Alhamdulillah. Segala Puji-Pujian dan sanjungan
selayaknya hanya untuk Allah SWT

Kesyukuran yang tidak ternilai atas RahmatNya jua yang
memungkinkan kita dipertemukan dalam majlis yang cukup
bermakna dan dinanti-nantikan oleh semua para pencinta

perjuangan, pendokong dan penyokong yang akan meneruskan agenda Alif Ba' Ta, UMNO yang kita cintai.

1. YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani

Menteri Kewangan Ke 2

2. YBhg Dato' Marsom Paing

Wakil Perhubungan UMNO Negeri Selangor /

Ketua UMNO Bahagian Sepang

3. Ketua Ketua UMNO Bahagian yang turut hadir

4. YBhg Dato" Raymond Low, Pengerusi MCA Parlimen Subang

5. En. Saundrarasan, Pengerusi MIC Parlimen Subang

6. En. Chen Chee Yen, Pengerusi GERAKAN Parlimen Subang

7. En. Ghana, Pengerusi MyPPP Parlimen Subang

8. En. Arjunan, Pengerusi IPF Parlimen Subang

9. Kol.Hj Zakaria Hj Abu, Komenden Kem RPS Sg Buloh.

10. YBhg En Kadir Rais, Pengarah Penjara Sg Buloh

11. YBhg Prof Dato Dr Abu Bakar Majid, Penolong Naib
Censelor UITM
Sg Buloh

12. SUPT Somu OCPD Sg Buloh.

13. En Sajoli Masdor, Ketua PPD Gombak.

14. En Ghafar Bakar, Ketua PPD Petaling Perdana

15. En Azmi Samian, Ketua PPD Petaling Utama

16. En Muaz, Penolong Pengarah Pertahanan Awan
Negeri Selangor

YBhg Dato' Harrison Hasan, Timbalan Ketua UMNO
Bahagian

YBhg En Zulkifli Md Taft, Naib Ketua UMNO Bahagian

YB Datuk Hj Halimatun Sadiaah Borhan, ADUN N.38 Kota
Damansara / Merangkap Ketua Pengerakan Wanita UMNO
Bahagian

Sdr Dato / Shahriza Amer Sharifuddin, Ketua Pengerakan
Pemuda UMNO Bahagian

Cik Norhayati Hasan, Ketua Pengerakan Puteri UMNO
Bahagian

Tuan Hj Misri Amdan, Pengerusi Tetap UMNO Bahagian

Pegawai dan Ahli Jawantakuasa UMNO Bahagian Subang

Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Pengerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Bahagian

Barisan Pimpinan dari Parti-parti komponen Barisan Nasional
Parlimen Subang

Guru-Guru Besar dan Sekretariat Guru Aktif Parlimen Subang

Mantan-mantan pemimpin UMNO dan Veteran Parlimen Subang

Ayahanda-Ayahanda Persatuan BerBaiah yang hadir

Pegawai-pegawai Kerajaan

Pemimpin-pemimpin Persatuan

Daif-daif jemputan dan rakan-rakan Media

Penerima-Penerima Anugerah Tokoh UMNO Bahagian Subang
2017

Anak-Anak Penerima Anugerah Pelajar Cemerlang UMNO
Bahagian Subang 2017

Yang saya kasihi Ketua-Ketua UMNO Cawangan, Ketua-Ketua
Wanita , Pemuda dan Puteri Cawangan

Yang saya sanjungi seluruh perwakilan dan pemerhati ke
Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Subang

Dato/ Seri, Dato', Datin,'Tuan, Puan dan hadirin sekalian yang
hadir ke Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian
Subang bagi tahun 2017.

Pucuk pauh delima batu

Anak semilang ditapak tangan

Hati saya tersentuh sayu

Dengan kehadiran para perwakilan.

Menuju puncak jalannya berliku

Tanpa semangat tidakkan sampai

2017 bakal berlalu

PRU 14 dah nak sampai.

Kubu lawan bakal diroboh

Rasa simpati jangan disimpan

Kesatuan kita mestilah kukoh

Padukan tekad semarakkan perjuangan.

YB Datuk Seri, Datuk-datuk, Datin-datin Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bahtera UMNO ini terlalu banyak berjasa.

Dari bahtera ini lahirlah sebuah Negara

Dari bahtera ini mengalirnya semangat perwira

Dari bahtera ini berbunga madah pujangga

Dari bahtera inilah terangkatnya kemuliaan agama dan bangsa

Walaupun nakhodanya datang dan pergi silih berganti

Namun bahtera ini jangan sesekali dibiarkan hilang kemudi

Arus ombak, badai dan ribut telah dilalui

Kukuh bertahan meneruskan pelayaran

Dek kerana kesetiaan dan kasih sayang yang masih mendalam

Walaupun kita berdepan dengan Mantan Presiden UMNO,
Walaupun lawan kita adalah bekas Timbalan2 Presiden UMNO,
Walaupun lawan kita adalah bekas Naib Presiden UMNO,
Mereka-mereka yang diangkat nama kerana bersama UMNO dulu!
Kini bergelar pengkhianat dan musuh yang akan dilaknat kerana
melanggar sumpah keramat.

Pakatan Harapan haru biru

3 kepala badannya satu

Sesama mereka sudah pun buntu

Nak tadbir Negara lagilah celaru

Tepuk Amai-amai

Belalang kupu-kupu

Ketua punyalah ramai

Rakyat jadi keliru

Tepuk amai-amai

Belalang kupu-kupu

Ketua depa ramai

Semua **tiga suku**

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Tiada harta yang kekal abadi

Tiada pewaris penyambung legasi

Tatkala diri semakin dimamah usia

Tatkala kudrat juga semakin sirna

Menanti masa yang pasti tiba

Kembalinya hamba kepada pencipta

Mengharap jasa tidak seberapa

Mengharap ibadah terkadang lupa

Selagi jasad masih bernyawa

Iman dan amal tetap dijaga

Mati bukan meninggalkan nama

Jasa dan sumbangan lebih bermakna

Sayangkan perjuangan alif ba ta

Demi agama bangsa dan tanahair tercinta

Tidak rela agama dihina, tidak suka bangsa dicerca

Ku titipkan warkah penyambung wasilah

Perjuangan tidak bernoktah demi ummah

Kembalikan kekuatan pertahankan hak dan maruah !

Itu adalah petikan dari buku “**Perbetulkan halatuju politik kita**” yang telah saya tulis sebagai perkongsian ilmu dan pengalaman yang tidak seberapa ini, namun diharapkan ianya dapat dimanfaatkan untuk menyemarakkan

perjuangan parti UMNO ini sebagai penyambung wasilah perjuangan terdahulu. InsyaAllah, buku itu akan saya kongsikan dengan para penyokong UMNO khususnya Bahagian Subang dan akan dilancarkan pada Perhimpunan Agung UMNO 2017 nanti, In Sha Allah.

Sidang hadirin yang dikasihi,

Semoga Allah swt melimpahkan taufik hidayah serta maunah untuk para pemimpin kita hari ini dan akan datang, memikul amanah penyambung perjuangan, menabur jasa bakti dan budi.

Rasanya begitu cepat masa berlalu. Tahun lepas masih segar dalam ingatan, kita bersidang penuh kesejahteraan. Dihadiri dengan pelbagai lapisan kepimpinan. Ada yang lama penuh

pengalaman. Ada yang baru sebagai lapisan. Namun begitu sudah lumrahnya alam. Tidak ada yang kekal sepanjang zaman. Sampai masa ketikanya pasti mendatang. Saat masa kembalinya kita kepada Tuhan.

Pada tahun lalu Tokoh yang sangat berjasa buat kita masih sempat bersama kita. Namun hari ini, beliau sudah tiada. Marilah kita sama-sama berdoa, sedekah al fatihah buat mereka semua. Teristimewanya kepada mantan Ketua UMNO Bahagian iaitu Allahyarham Datuk Mokhtar Ahmad Dahalan dan rakan-rakan pejuang umno yang telah kembali ke rahmatullah. Diantaranya Allahyarham Saudara En Muhamad Bakar, Allahyarham Saudara Husin Katan dan lain-lain Jasa dan pengorbanan mereka pasti dinilai disisi Allah swt... insyaAllah.

Al Fatihah...

**Bila memandang kemuka laut
Nampak sampan mudik kehulu
Bila dikenang mulut menyebut
Budi yang baik ingat selalu.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.

KEGAGALAN KERAJAAN PAKATAN MENTADBIR NEGERI

Kerajaan Negeri Selangor kita berdepan dengan pelbagai masalah. Permasalahan itu mereka cuba alihkan dengan menuding kepada kerajaan Pusat. Kerana itu jentera kempen BN khususnya UMNO perlu membongkar segala kelemahan itu. Saya selaku Ketua Penerangan UMNO Selangor telah merangka pelan tindakan menyerang habis habisan pihak lawan untuk pastikan mereka tidak berupaya menangkis serangan kita. Untuk itu saya perlukan sokongan dari rakan-rakan. Terutamanya media sosial

sebagai medan penting yang banyak mempengaruhi pemikiran generasi muda.

Laporan dari Jabatan Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Ogos baru ini menunjukkan kegagalan tadbir urus kerajaan negeri sehingga meletakkan negeri Selangor di kedudukan ke 13 dalam ranking tadbir urus yang baik.

Begitu juga apabila DYMM Tuanku Sultan Selangor bertitah pada 1 Ogos 2017 yang lalu semasa merasmikan Bangunan PKNS yang baru, Baginda melahirkan rasa dukacitanya kerana PKNS telah menyimpang dari asas penubuhannya apabila tidak lagi berperanan untuk membantu menyediakan rumah mampu milik dan bangunan premis serta ruang perniagaan untuk orang Melayu. Ini berlaku kerana dasar kerajaan negeri yang memansuhkan hak keistimewaan Melayu sebagaimana yang diperuntukan oleh Perlembagaan Negara.

Sejak pentadbiran kerajaan negeri dikuasai oleh mereka, hampir 10 tahun, hingga kini kita dapati tidak ada sebarang mercu tanda kejayaan pembangunan untuk manfaat rakyat yang mereka lakukan dan yang akan kita tinggalkan.

- **Mereka gagal** menangani isu bekalan air bersih.
- Mereka gagal dalam isu pengurusan sisa pepejal.
- Mereka gagal dalam isu pendidikan percuma untuk rakyat.
- Mereka gagal dalam isu mengangkat martabat syariat islam.
- Mereka gagal menangani isu kesihatan sehingga Selangor juara 4 tahun berturut-turut dalam kes denggi di Malaysia.
- Mereka gagal menyediakan keperluan bagi pembangunan belia.
- Mereka gagal membela nasib ibu-ibu tunggal.
- Mereka gagal menurunkan kadar tol di lebuhraya KESAS dan SPRINT

- Mereka gagal menguruskan jalanraya negeri dan jalanraya PBT sehingga rosak teruk

Mereka gagal melahirkan usahawan-usahawan IKS sehingga menyaksikan premis-premis perniagaan utama seperti Plaza Alam Sentral, kompleks PKNS di Shah Alam dan di daerah-daerah semakin lesu kerana kadar sewaan semakin tinggi tapi pengunjung semakin berkurangan.

Jika nak disenaraikan kita akan dapati kegagalan yang sangat banyak. Oleh itu inilah masanya untuk kita dedahkan kepada rakyat. Mereka lebih berminat untuk menjatuhkan kerajaan Pusat berbanding menjaga kebajikan rakyat negeri Selangor.

Ayuh... Semarakkan tekad kita. Gempur biar lunyai. Kita akan sediakan flyers-flyers yang akan diedarkan ke seluruh pelusuk negeri. Program-program ceramah umum akan diperbanyakkan,

sebagai tanda kita benar-benar serius dan bersedia untuk menawan kembali negeri Selangor ini.

Saudara saudari yang budiman,

KEJAYAAN KERAJAAN PUSAT DICEMBURUI SEBENARNYA

Bersama kita hari ini ialah Menteri Kewangan ke 2 Malaysia iaitu YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani. Oleh kerana beliau arif tentang pencapaian ekonomi Negara, mungkin jika apa yang saya nyatakan ini silap, harap beliau boleh betulkan.

Antara kejayaan hebat yang dicapai oleh Negara kita hari ini adalah mengurangkan kadar hutang Negara dari 54% pada tahun lalu kepada 52% pada tahun ini. Ini bermakna kadar hutang Negara masih terkawal dan Kerajaan berupaya mengimbangi antara pendapatan dan perbelanjaan. Tidak banyak Negara yang mencatatkan kadar penurunan hutang dalam situasi ekonomi dunia yang tidak menentu masa kini. Sebagai contoh saya nak

sebutkan beberapa buah Negara yang memiliki kadar hutang yang tinggi berbanding KDNK Negara itu sebagaimana yang dikeluarkan oleh IMF.

- China kadar hutangnya 66%
- Canada kadar hutangnya 86%
- Perancis kadar hutangnya 90%
- Amerika Syarikat kadar hutangnya 107%
- Singapura Negara jiran kebanggaan DAP kadar hutangnya 111%
- Jepun yang jauh lebih maju dan hebat, kadar hutangnya 237%

Banyak lagi Negara-negara luar yang jauh lebih teruk kadar hutang mereka berbanding Negara kita. Tapi adakah rakyat mereka berkata negara mereka akan bankrap. Adakah rakyat Jepun berdemonstrasi berarak untuk jatuhkan kerajaan kerana hutang

Negara yang tinggi. Rakyat Singapura juga tidak turun kejalanan berdemo kerana hutang Negara mereka lebih daripada 100%.

Tetapi rakyat Malaysia yang diracuni pemikiran mereka oleh pihak pembangkang Pakatan Harapan, yang buta mata untuk membandingkan pencapaian Negara kita. Sanggup mengatakan Negara kita akan bankrap/muflis kerana kerajaan Barisan Nasional pimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib gagal menguruskan ekonomi Negara dengan baik. Rakyat diajak berdemonstrasi... Selamatkan Malaysia... kononnya

Hakikatnya Tun Mahathir cemburu kerana 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri, beliau gagal menurunkan kadar hutang Negara. 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri beliau gagal meningkatkan kadar simpanan persekutuan (Rezab Bank Negara) Hakikatnya pada Mei 2017 lalu Rezab Bank Negara mencecah 98 billion USD bersamaan RM433.3 billion. Satu angka yang cukup

besar dibawah kepimpinan YAB Dato' Seri Mohd Najib. Tapi YAB Dato' Seri Najib tidak sombong. YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani selaku Menteri Kewangan ke2 juga tidak bercakap sombong. Ironinya YAB Menteri Besar Selangor baru ada rezab simpanan negeri RM3 billion sahaja dah sombong, riak dan bangga diri sehingga berkata... *“saya tidak tahu nak buat apa dengan simpanan RM3 billion itu. Satu angka yang banyak. Ini kerana kita mentadbir negeri dengan bijak”* katanya.

Tuan-tuan dan puan-puan....

Antara RM3 billion dengan RM433.3 billion... yang mana lebih banyak? Memang buta kayulah siapa yang kata RM3 billion itu lebih banyak. Kerana rezab yang banyak itulah, mereka tergilagila sangat nak rampas Kerajaan Persekutuan dari BN. Mereka bukan nak Selamatkan Malaysia, tetapi nak kayakan kroni-kroni mereka. Ingat dulu sewaktu mereka mengambilalih Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan BN pada tahun 2008. Rezab

simpanan kerajaan negeri ketika itu RM5 billion lebih. Hari ini ada 3 billion pun dan sombong. Itulah wayang Menteri Besar Selangor yang jika tidak menjadi orang politik, beliau layak menjadi artis sehebat Arron Aziz kerana pandai berlakon.

Jadi kita perlu pertahankan kerajaan Persekutuan supaya tidak tumbang kepada Pakatan Harapan. Kita tidak rela hasil kekayaan yang disimpan itu diagih agihkan untuk kroni mereka sebagaimana yang berlaku selama 22 tahun dibawah pimpinan Tun Mahathir.

Sidang hadirin yg saya hormati,

Untuk perhatian YB Datuk Seri, Kos Sara Hidup kini menjadi bualan dikalangan masyarakat dibawah dan ianya perlu diberikan perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Dalam bab ini UMNO Bahagian Subang mendesak agar aspek penguatkuasaan, mengawal harga barang dan urusniaga orang tengah di pertingkatkan.

YB Datuk Seri Ismail Sabri semasa menjawat jawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, pernah mencadangkan sebuah Terminal Makanan Negara dibina di kawasan Kota Damansara dan sehingga kini ianya masih lagi tergantung. Untuk makluman YB Datuk Seri Johari, kami di kawasan Subang amat mengharapkan sebuah terminal seperti ini dibina dikawasan ini untuk memungkinan rakyat mendapat bekalan makanan dengan harga yang lebih murah dan segar.

Perumahan mampu milik juga menjadi isu hangat dimana di kawasan Subang ini, kos kediaman dan harga rumah di kawasan Subang kini berada di paras yang tidak mampu untuk dimiliki oleh rakyat biasa. Untuk tujuan itu Barisan Nasional Parlimen Subang mendesak agar Kementerian Kewangan meletakkan syarat supaya sebahagian kecil tanah milik KWASA LAND seluas 3500 Ekar diperuntukan untuk dibangunkan Perumahan Rakyat Kos

Sederhana dan Kos Sederhana Rendah kepada Syarikat Perumahan Negara SPNB. Seterusnya kawasan pembangunan yang diswatakan yang melibatkan tanah seluas 640 ekar yang asalnya milik Kem Sg Buloh yang bakal dibangunkan hendaklah mengambil kira keperluan perumahan mampu milik khususnya untuk rakyat berpendapatan sederhana rendah dan pendapatan rendah.

Di Subang juga, kami mempunyai Kem Rejimen Perhubungan Strategik (RPS) Sg Buloh dan Kem Rejimen ke 11 Angkatan Tentera Darat, yang sewajarnya diberikan perhatian oleh Kerajaan Persekutuan untuk diselenggarakan khususnya yang melibatkan rumah-rumah kediaman anggota.

Sehubungan itu juga, Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh yang telah diluluskan pembinaannya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Dalam Negeri, di kawasan

Elmina. Dari apa yang dimaklumkan kepada saya, peruntukan untuk membina IPD berkenaan masih belum ada walaupun tapak untuk pembinaan telah pun disediakan. Jadi besarlah harapan kami sekiranya YB Datuk Seri dapat memberikan perhatian tentang perkara tersebut untuk dimasukkan ke dalam budget atau revise budget 2018.

Berkenaan dengan kesihatan pula, cadangan Kementerian Kesihatan untuk membangunkan kawasan tanah sekitar Hospital Sungai Buloh seluas 48 ekar dengan cadangan Pusat Darah Negara, Pusat Penyakit Berjangkit, Hospital Psikiatrik dan Pusat Kecemerlangan Kesihatan, harap mendapat perhatian Kementerian Kewangan untuk segera dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-6.

YB Datuk' Seri yang saya kasihi,

Beberapa pemimpin besar pernah mengunjungi kawasan Subang dan antaranya ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri

Muhyiddin Yasin yang telah keluar parti. Beliau pernah menjanjikan dalam ucapannya semasa merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian SUBang 2015, pembinaan sebuah Kolej Komuniti di Parlimen Subang namun ianya hanyalah omong kosong sahaja.

Kami juga pernah dikunjungi oleh bekas Menteri Kewangan Ke2, Datuk Seri Husni Hanazlah untuk merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Subang Tahunan 2015. Beliau telah memberikan peruntukan berjumlah RM 850 ribu ringgit dan peruntukan ini telah digunakan untuk membaik pulih kemudahan rakyat seperti dewan, surau, masjid dan lain-lain lagi.

Terima kasih kepada YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam ucapan Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Subang Tahun 2016 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 5 juta bagi pembinaan Masjid Darul Ulom Matang Pagar yang sedang dalam pembinaan

,peruntukan berjumlah RM480.000 bagi amnieti sosial dan RM500.00 untuk program dakwah dan pendidikan.Terima kasih tak terhingga juga kami ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Mohd Najid Razak, Perdana Menteri Malaysia, yang telah meluluskan peruntukan berjumlah RM4 juta untuk membina Masjid Baru Kampung Merbau Sempak yang bakal dibangunkan setelah selesai dan memperoleh sijil kebenaran merancang pada tahun 2015 lagi.

Justeru, dapatlah kiranya juga dihadapan YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, saya dan seluruh warga Subang ingin memohon sedikit peruntukan sebagai kenangan abadi YB Datuk Seri kepada kami. Peruntukan yang kami perlukan adalah sebanyak lebih kurang RM 1.25 juta untuk projek-projek **amnieti sosial** yang melibatkan;

1. Membina baru Surau Al-Hijrah, Taman Matang Jaya berjumlah RM200.000.00

2. Membina bangunan tambahan Surau Al-Ikhlas, Taman Aman Sri, Bukit Rahman Putra berjumlah RM150.000.00
3. Membina bangunan tambahan Al Malikul Soleh, Kampung Melayu Subang Tambahan berjumlah RM 150.000.00
4. Membina Surau SMK Subang Bistari berjumlah RM200.000.00
5. Membina gelanggan Futsal di batu 16 Kampung Sungai Palong berjumlah RM160.000.00
6. Menaiktaraf bangunan serbaguna Surau At'Takwaniah, Kampung paya jaras Hulu berjumlah RM40.000.00
7. Membina bangunan tambahan Kemas Sekyen 6 Kota Damansara berjumlah RM35.000.00
8. Membina Wakaf Rakyat dijalan Gajah 14, Kampung Kubu Gajah berjumlah RM35.000.00
9. Membina Dewan Terbuka Berbumbung untuk SMK Bukit Gading berjumlah RM300.000.00

Besarliah harapan saya agar YB Datuk Seri dapat mempertimbang dan meluluskan permohonan-permohonan yang saya nyatakan diatas. Untuk tujuan itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Akhir sekali kepada YB Datuk Seri, sampaikan salam kami kepada YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita kasihi. Kami warga Barisan Nasional Parlimen Subang mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi penghargaan kerana telah membina dan menyiapkan stesen MRT Sg Buloh yang menghubungkan Subang ke MRT Kajang pada tahun ini. Seseungguhnya rakyat dalam parlimen amat beruntung dalam setiap aspek kehidupan kerana sistem pengangkutan awam yang pantas, ekfisen dan murah ini.

Sebagai tanda penghargaan dan tanda hormat YAB Perdana Menteri, kami seluruh jentera barisan Nasional telah bersiap sedia bagi menghadapi PRU14 pada bila-bila masa. Kami berikikir dan

berjanji akan berusaha bersungguh-sungguh dengan tekad yang satu, bersatu padu mempertahankan N.39 DUN Kota Damansara, merampas kembali N.38 DUN Paya Jaras dan memberikan kemenangan BN untuk P107 Parlimen Sg Buloh, In Sha Allah

Buat para perwakilan yang bakal bersidang, bersamalah kita bersatu hati untuk menjadikan medan persidangan ini dalam usaha kita memperkasakan agenda gerak kerja menghadapi PRU14 yang bakal tiba.

Akhir Kalam,

Saya menyeru sidang Perwakilan dan hadirin yang saya hormati untuk bangun bersama-sama melaungkan seruan keramat kita serentak dan sekata

HIDUP RAKYAT! X2

NEGERIKU SELANGOR ! X2

NEGARAKU MALAYSIA ! X2

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah